

Pelajar TVET dijangka meningkat

Oleh Rosniza Mohd Taha

yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

INFO

Jumlah pelajar bidang teknologi kejuruteraan di MTUN

- UniMAP - 1,608 pelajar
- UTHM - 624 pelajar
- UTeM - 1,248 pelajar
- UMP - 366 pelajar

Kemasukan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) peringkat sijil, diploma serta diploma lanjutan di institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini dijangka meningkat kepada 330,000 pelajar setahun pada masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata 40 peratus daripada lapan diploma dan diploma lanjutan bidang itu pula dijangka menyambung pengajian ke tahap enam atau Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Kejuruteraan di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) serta Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

MTUN terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Beliau yang juga Naib Canselor UniMAP berkata, peningkatan permintaan industri terhadap teknologi kejuruteraan mendorong MTUN menawarkan

lebih banyak program berkaitan bidang berkenaan.


Berciri butik

"Antara bidang baharu program pengajian teknologi kejuruteraan ditawarkan oleh UniMAP tahun ini ialah pembinaan, pembangunan produk, pemrosesan bahan, teknologi robotik dan automasi, elektronik bersepadu, reka bentuk telekomunikasi elektronik serta proses kimia industri.

"Pada masa yang sama, kami turut menekankan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, termasuk menggalakkan mereka menyertai kelab kemahiran, pameran, pertandingan dan sukan yang mampu mengasah bakat komunikasi serta keyakinan," katanya.

Prof Kamarudin berkata, program pengajian teknologi kejuruteraan yang dilaksanakan adalah berciri butik atau khusus mengikut keperluan semasa negara dan industri.

Beliau berkata, pelajar terbabit juga menjalani latihan amali lebih lama, iaitu enam bulan pada semester akhir dan boleh



Teknologi kejuruteraan nano antara kepakaran dibangunkan di UniMAP.



Prof Zularisam

raan UMP, Prof Dr Zularisam Ab Wahid, berkata fakulti berkenaan diwujudkan bagi lebih memfokus kepada aspek praktikal berbanding program kejuruteraan yang berasaskan sains konvensional.

Beliau berkata, lima bidang pengkhususan teknologi kejuruteraan ditawarkan ketika ini ialah pembuatan, elektrik, tenaga dan persekitaran, farmaseutikal serta pengurusan infrastruktur.

"Antara bidang khusus akan ditawarkan pada masa depan ialah kuasa dan mesin, pesisir, penyelenggaraan mekanikal, mekanikal (petroleum), pemrosesan makanan serta forensik.

"Pemilihan bidang teknologi kejuruteraan berkenaan bukan sahaja kerana mendapat permintaan tinggi tetapi juga bernilai dan mampu meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan UMP," katanya.

terus bekerja, berbanding penuntut program kejuruteraan yang hanya melakukannya selama tiga bulan dan perlu mengikuti sesi kuliah semula.

Fokus praktikal

Sementara itu, Dekan Fakulti Teknologi Kejurute-